



## KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**BAJET 2016**

**23 OKTOBER 2015**

---

### **RM1.5 BILION JADIKAN NEGARA SEBAGAI HUB TEKNOLOGI SERANTAU YANG KOMPETITIF DAN TAHUN PENGKOMERSILAN MALAYSIA 2016**

---

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dipertanggungjawabkan untuk menerajui dan memacu agenda sains, teknologi dan inovasi (STI) negara dalam Bajet 2016.

MOSTI akan memastikan kesinambungan Dekad Inovasi 2010-2020 melalui peruntukan sebanyak RM1.5 bilion bagi menjadikan negara sebagai hub teknologi yang kompetitif di rantau ini.

Justeru, bagi merancakkan lagi inisiatif penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta inovasi berimpak tinggi, Tahun Pengkomersilan Malaysia 2016 telah diumumkan dan akan diterajui oleh MOSTI.

Bagi merealisasikan Malaysia sebagai hub teknologi yang kompetitif di rantau ini, MOSTI akan melaksanakan program dan aktiviti melalui Jabatan/Agenzi MOSTI dan juga secara kolaborasi dengan Kementerian

dan agensi lain. Antara aktiviti yang akan diberi penekanan adalah teknologi strategik seperti nanoteknologi, bioteknologi dan *Internet of Things* (IoT). Pada masa yang sama, MOSTI akan terus terlibat dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan produktiviti syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Ini termasuk program **audit teknologi** di bawah SIRIM, **perkhidmatan inkubasi** oleh Technology Park Malaysia dan **pembangunan standards** oleh Jabatan Standard Malaysia.

Selaras dengan tema Bajet 2016 “Mensejahtera Kehidupan Rakyat” dan juga RMKe-11 “Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat,” MOSTI juga akan terus melaksanakan program inovasi sosial (MSI) yang berfokus kepada inovasi-inovasi yang boleh meningkatkan kualiti hidup rakyat.

### **Datuk Seri Panglima Madius Tangau Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi**



**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**  
**Telefon:** 03-8885 8822 / 012-9075 372, **Faks:** 03-8890 3092  
**Emel:** [ukk.mosti@1govuc.gov.my](mailto:ukk.mosti@1govuc.gov.my)